



E-BULETIN KKM

KAMI SEDIA MEMBANTU

PENYAYANG • PROFESIONALISME • KERJA BERPASUKAN

EDISI JUN 2018



MAJLIS MAKAN MALAM PERSATUAN PERUBATAN MALAYSIA MS/1



Lawatan ke Hospital Kajang sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri

MS/7



Pelancaran Garis Panduan Klinik (CPG)

MS/10



Tarikh: 30 Jun 2018

Tempat: Kuala Lumpur

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah dan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan, Tuanku Zara Salim telah mencemar duli dan hadir ke Majlis Makan Malam Persatuan Perubatan Malaysia (MMA). Baginda telah disambut oleh YB Dr. Haji Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan dan isteri, Azlin Herzi, Dr. Mohammad Namazie Ibrahim, Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) serta Dr. Ravindran R. Naidu, mantan presiden. Majlis tersebut juga telah

dihadiri seramai 500 anggota MMA. Sultan Nazrin turut berkenan menyaksikan penyerahan beberapa anugerah khas antaranya Pingat Emas MMA dan Anugerah Khidmat Lama MMA. Dalam ucapan YB Dr. Haji Dzulkefly, beliau menyatakan bahawa MMA mempunyai banyak sumbangan dan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam usaha meningkatkan kesihatan dan kebajikan rakyat Malaysia. Beliau juga menghargai MMA dalam usaha meningkatkan sistem penjagaan kesihatan Malaysia yang lebih baik membolehkan warga negara kita menjalani kehidupan kesihatan dan produktif.



MAJLIS PERJUMPAAN BULAN JUN 2018

Tarikh: 5 Jun 2018

Tempat: IPKKM, Putrajaya

YB Dr. Haji Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah menghadiri Majlis Perjumpaan Bulanan Jun 2018. Turut hadir ialah YBhg Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min, Ketua Setiausaha (KSU) dan YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan (KPK). Dalam majlis tersebut, YBMK menekankan aspek pencegahan dan promotif gaya hidup sihat dan Kesihatan primer. Di samping itu, YBMK juga menyentuh kerjasama strategik dengan pelbagai sektor termasuk *public private partnership* untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan terbaik kepada seluruh rakyat Malaysia. YB Dr. Dzulkefly menyarankan warga kerja di IPKKM dan di semua peringkat agar sentiasa berganding bahu dan bekerjasama dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan dan fasiliti Kesihatan demi rakyat.





LAWATAN MENGEJUT KE KLINIK KESIHATAN KUALA LUMPUR & HOSPITAL KUALA LUMPUR

Tarikh: 28 Jun 2018
Tempat: Kuala Lumpur

YB Dr. Haji Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah mengadakan lawatan mengejut ke Klinik Kesihatan Kuala Lumpur dan Hospital Kuala Lumpur (HKL). Turut hadir ialah YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan dan YBhg. Datin Dr. Noor Akma binti Yusuf, Pengarah Hospital Kuala Lumpur. Lawatan tersebut bertujuan untuk meninjau dengan lebih dekat lagi operasi dan perkhidmatan kesihatan yang diberikan kepada rakyat. YBMK berkesempatan beramah mesra dengan warga kerja di hospital dan klinik Kesihatan tersebut serta orang ramai yang mendapatkan perkhidmatan Kesihatan di kedua-dua fasiliti kesihatan tersebut serta mendapatkan maklum balas daripada perkhidmatan yang disediakan oleh KKM.





MAJLIS BERBUKA PUASA YBMK BERSAMA PENGAMAL MEDIA 2018

Tarikh: 5 Jun 2018

Tempat: Kuala Lumpur

YB Dr. Haji Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah menghadiri Majlis Berbuka Puasa YB Menteri Kesihatan bersama Pengamal Media 2018. Turut hadir ialah YBhg. Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min, Ketua Setiausaha (KSU), YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) dan pegawai-pegawai kanan IPKKM serta pengarang kanan dan wartawan dari pelbagai organisasi media. Majlis tersebut bertujuan untuk menghargai dan mengiktiraf sumbangan para pengamal media dalam usaha menyampaikan informasi berkenaan kesihatan

kepada rakyat. Pengamal media merupakan agensi penting kerana mereka adalah agen yang sentiasa peka kepada perkembangan semasa terutamanya dalam bidang kesihatan. YBMK juga menyampaikan amanat kepada para media agar menyampaikan maklumat yang sahih, tepat dan berfakta. YBMK juga menyeru agar kerjasama yang sedia terjalin di antara kementerian dan pengamal media sentiasa kukuh dan erat terutamanya dalam bidang kesihatan.



Majlis Berbuka Puasa Bersama YBMK 2018

Tarikh: 7 Jun 2018

Tempat: IPKKM, Putrajaya

YB Dr. Haji Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah menghadiri Majlis Berbuka Puasa bersama warga kerja KKM 2018. Turut hadir ialah YBhg. Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min, Ketua Setiausaha dan YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan (KPK). Majlis tersebut turut meraikan sekumpulan anak-anak yatim, ibu tunggal, golongan OKU dan warga kerja IPKKM. Dalam ucapan YB Dr. Haji Dzulkefly Ahmad menekankan tentang kebajikan golongan anak-anak yatim, ibu tunggal dan OKU yang perlu diambil berat dan diberi perhatian. YBMK juga telah menyampaikan sumbangan kepada golongan yang diraikan tersebut.





Lawatan ke Hospital Tanjung Karang Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri

Tarikh: 16 Jun 2018

Tempat: Tanjung Karang, Selangor

YB Dr. Haji Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah turun padang ke Hospital Tanjung Karang bersempena sambutan Hari Raya Aidilfitri. YBMK telah meluangkan masa beramah mesra bersama para pesakit dan warga kerja di hospital tersebut. YBMK berkesempatan menyampaikan ucapan dan menyarankan agar mengamalkan pemakanan yang sihat dan seimbang terutamanya di bulan Syawal ini. Pemakanan yang seimbang dan sihat membantu menghindari dari pelbagai jenis penyakit. Beliau turut menyampaikan sumbangan Hari Raya Aidilfitri kepada para pesakit dan warga kerja di hospital tersebut. YBMK juga menzahirkan setinggi penghargaan kepada warga kerja Hospital Tanjung Karang di atas komitmen dan kesungguhan dalam melaksanakan tanggungjawab terutamanya di musim perayaan.





LAWATAN KE HOSPITAL KAJANG SEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI

Tarikh: 15 Jun 2018
Tempat: Kajang, Selangor

YBhg. Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min, Ketua Setiausaha (KSU) telah mengadakan lawatan bersempena sambutan Hari Raya Aidilfitri di Hospital Kajang. YBhg.Dato' Seri KSU sempat beramah mesra dan menyampaikan sumbangan kepada warga kerja hospital tersebut. Beliau menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada warga kerja hospital kerana sentiasa memberikan komitmen penuh dalam melaksanakan tugas terutamanya di musim perayaan serta memastikan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dapat terus disampaikan kepada rakyat.



LAWATAN KE INSTITUT KANSER NEGARA SEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI

Tarikh: 15 Jun 2018

Tempat: Institut Kanser Negara, Putrajaya

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) Malaysia telah melawat Institut Kanser Negara untuk merayakan Hari Raya bersama pesakit-pesakit dan warga KKM yang bertugas di Institut Kanser Negara. Jasa dan bakti warga KKM yang bertugas terutamanya pada sambutan perayaan sangat dihargai. KPK mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua warga KKM yang bertugas membantu meningkatkan perkhidmatan kesihatan negara.






Lawatan YBMK ke Tapak Hospital Rembau

Tarikh: 29 Jun 2018

Tempat: Rembau, Negeri Sembilan



YB Dr. Haji Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah turun padang ke tapak projek Hospital Rembau. Turut hadir ialah Dr. Zainuddin Mohd Ali, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan dan S Veerapan, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Sembilan serta pegawai kontraktor yang dilantik. Lawatan tersebut bertujuan untuk meninjau status pembinaan hospital tersebut. Hospital tersebut akan dilengkapi sebanyak 76 buah katil. Projek hospital tersebut kini berada di peringkat akhir pembinaan dan masyarakat sekitar semestinya akan mendapat manfaat daripada perkhidmatan dan kemudahan persekitaran yang ditawarkan di hospital tersebut.




PELANGARAN GARIS PANDUAN KLINIKAL (CPG)

Tarikh: 27 Jun 2018

Tempat: Hospital Selayang, Selangor

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) Malaysia telah melancarkan Garis Panduan Klinikal (CPG) mengenai Pengurusan *Karsinoma Colorectal* di Hospital Selayang. Turut hadir bersama YBhg. Dato' Dr. Khalid bin Ibrahim, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Selangor. *Karsinoma colorectal* adalah kanser kedua yang paling biasa di Malaysia dengan *prevalens* sebanyak 13.2% seperti yang dilaporkan dalam Laporan Pendaftaran Kanser Kebangsaan Malaysia 2007-2011. Pengurusan pesakit dengan kanser kolorektal terdiri daripada strategi penyaringan, diagnosis, pementasan, rawatan yang sesuai dan susulan. CPG kebangsaan tersebut bertujuan untuk membantu Pakar Perubatan Keluarga dan penyedia penjagaan utama lain dalam menyediakan program penapisan dan rujukan berstruktur mengikut gejala dan stratifikasi risiko.



Rancangan Radio BFM 89.9 *The Breakfast Grille Show* bersama YBMK

Tarikh: 25 Jun 2018

Tempat:

YB Dr. Haji Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah menghadiri rancangan Radio BFM, 89.9, *The Breakfast Grille Show*. YBMK telah menyampaikan mengenai Pelan dan Visi Kementerian Kesihatan. Dalam ucapan beliau, KKM sentiasa fokus dan komited terhadap perkhidmatan kesihatan dan juga fasiliti kesihatan yang diberikan kepada rakyat. Beberapa visi perlu dicapai demi meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan dan juga fasiliti kesihatan demi rakyat. Keperihatinan KKM terhadap kesihatan rakyat adalah menjadi satu keutamaan selari dengan slogan KKM “Kami Sedia Membantu”.



Program Kesihatan Bersama Pakar Kesihatan

Tarikh: 4 Jun 2018
Tempat: Putrajaya

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) Malaysia telah menghadiri Bengkel Program Kesihatan yang Lebih Baik bersama para pakar dari NHS United Kingdom dan peserta Program Kemakmuran UK. Menurut KPK, satu cabaran yang dihadapi oleh kedua-dua pihak di UK dan Malaysia adalah peningkatan beban Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) yang

tinggi dalam agenda global. Bengkel tersebut bertujuan untuk membincangkan perubahan tingkah laku pendekatan untuk menangani NCD di Malaysia, menggunakan teknologi digital atau *e-Health* sebagai pemangkin untuk perubahan tingkah laku dan keperluan pendidikan dan latihan dalam pencegahan dan kawalan NCD di Malaysia.



SIDANG PENGARANG E-BULETIN KKM

Penasihat

YBhg. Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min
Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

Ketua Pengarang

Puan Yamuna Perimalu

Pengarang

Za'aba Hj. Abu Bakar
Mona Ang
Mohd Iswandy bin Wally

Sidang redaksi e-Buletin KKM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan pengurusan tertinggi KKM dan semua bahagian di KKM yang menjayakan penerbitan e-Buletin Edisi Jun 2018.



Sidang Redaksi e-Buletin KKM
Unit Komunikasi Korporat
Aras 4, Blok E7
Kementerian Kesihatan Malaysia, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya Malaysia.

Tel : 03-8883 3481

Faks : 03-8888 6187



<https://www.facebook.com/kementeriankesihatanmalaysia/>



<https://www.instagram.com/kementeriankesihatanmalaysia/>



<https://twitter.com/KKMPutrajaya>



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
Aras 4, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya Malaysia.
2018